



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18/12/2018



Dr Mahathir bersama Syed Mokhtar pada majlis perasmian Perpustakaan Ilmuwan sempena sambutan ulang tahun ke-20 IIAM, di Kuala Lumpur, semalam.

6 pemimpin mahu keluar parti

BH-18/12/2018 m/s: 9

➔ **Dr Mahathir sahkan pertemuan, minta nasihat berhubung hasrat tinggal UMNO**

Oleh Syed Umar Ariff dan Rizanizam Abdul Hamid
cnews@nstp.com.my

► **Kuala Lumpur**

Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan temuannya bersama enam pemimpin UMNO seperti yang viral baru-baru ini, adalah untuk menyatakan hasrat mereka keluar daripada UMNO.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu, enam pemimpin UMNO terbabit meminta nasihatnya berhubung hasrat mereka meninggalkan UMNO.

"Mereka datang jumpa saya dan beritahu akan meninggalkan UMNO. Mereka mahukan nasihat saya. Cuma itu, tak ada yang lain," katanya selepas menghadiri Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Muzium Kesenian Islam, di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan menafikan pertemuan beliau dan lima lagi pemimpin UMNO dengan Dr Mahathir pada Oktober lalu, ada kaitan dengan tindakan mereka untuk keluar parti atau memohon 'talian hayat' seperti tular di laman sosial sejak Rabu lalu.

Sebaliknya, beliau berkata, pertemuan itu bagi membincangkan saranan Dr Mahathir yang sebelum itu mahukan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, membubarkan parti berkenaan.

Dalam foto yang tersebar itu menunjukkan Mohamad bersama Tan Sri Noh Omar, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, Datuk Seri Shahidan Kassim serta seorang lagi pemimpin UMNO mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir.

Mengulas kemasukan bekas Ahli Parlimen dan pemimpin UMNO menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) walaupun tidak dipersetujui rakan Pakatan Harapan (PH) khususnya DAP dan PKR, Dr Mahathir mempertahankan tindakannya itu.

Perlu jadi ahli Bebas

Bagaimanapun, beliau berkata, hanya ahli UMNO yang 'baik' sahaja akan diterima menyertai BERSATU dan disyaratkan perlu menjadi ahli Bebas sebelum menyertai parti kerajaan dalam PH.

"Saya sendiri ahli UMNO (dulu) mereka (DAP dan PKR) terima saya. Kit Siang (Lim Kit Siang) terima saya.

"Bukan pasal ahli, (tapi) pasal apa yang kita buat. Jika kita buat sesuatu yang salah, sudah tentu akan ditolak," katanya.

Setiausaha DAP Selangor, Ronnie Liu, kelmarin mengingatkan Dr Mahathir selaku Perdana Menteri supaya tidak mengambil pemimpin 'katak' merujuk kepada ahli UMNO Sabah yang keluar parti untuk menyertai BERSATU.

Rabu lalu, UMNO Sabah lum-
puh apabila Pengerusinya, Datuk Haji Mohd Noor, bersama 13 wakil rakyat dan 21 ketua Bahagian meninggalkan parti itu dan mengisytiharkan menjadi wakil rakyat Bebas, manakala semalam pula, enam lagi Ahli Parlimen UMNO keluar parti iaitu Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid; Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad (Mersing); Datuk Shabudin Yahaya (Tasik Gelugor); Datuk Mohamad Fasihah Mohd Fakeh (Sabak Bernam), Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (Tanah Merah) dan Parlimen Larut, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Sementara itu, Dr Mahathir mengesahkan Setiausaha Politikinya, Muhammad Zahid Md Arip masih berkhidmat dalam jawatannya biarpun dikaitkan dengan pertuduhan rasuah membabitkan bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Beliau berkata, khidmat bekas pegawai khas Mohd Isa itu masih diperlukan.

"Dia (Muhammad Zahid) dituduh saja, betul ke tak, kita tak tahu. Jika sudah sabit kesalahan, tak tahu la," katanya.